



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 09 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Ibu Bapa, Penjaga Disaran Cakna Hantar Anak Ke Taska – KPWKM https://www.kosmo.com.my/2024/09/08/ibu-bapa-penjaga-disaran-cakna-hantar-anak-ke-taska-kpwkm/#google_vignette https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/1-080-taska-dikenal-pasti-tidak-berdaftar-kpwkm-x95cpcs https://www.sinarharian.com.my/article/684606/berita/nasional/pastikan-anak-anak-dihantar-ke-taska-berdaftar-bawah-jabatan-jkm---kpwkm https://www.youtube.com/watch?v=8sJGntoDQmU https://www.bernama.com/en/news.php?id=2338312 https://selangorjournal.my/2024/09/ensure-children-are-enrolled-at-registered-social-welfare-dept-daycare-centres-kpwkm/ https://www.dailyexpress.com.my/news/241558/ensure-children-are-enrolled-at-jkm-registered-daycare-centres-kpwkm/	Kosmo Astro Awani Sinar Harian Astro Awani Bernama Selangor Journal Daily Express	Neutral
2.	Bayi Lelaki Ditemui Di Belakang Rumah https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-lelaki-ditemui-di-belakang-rumah/#google_vignette	Buletin TV3	Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/684607/berita/semasa/bayi-lelaki-cukup-sifat-ditemukan-di-belakang-rumah</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/08/beri-alasan-keluar-banyak-darah-haid-lepas-bersalin-buang-bayi-belakang-rumah/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-baru-lahir-ditemukan-di-belakang-rumah-486996</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1131887/konon-sakit-kerana-haid-rupanya-bersalin-sebelum-buang-bayi-di-belakang</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2338326</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/wanita-tergamak-buang-bayi-lelaki-dibelakang-rumah/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/bayi-lelaki-baru-lahir-ditemukan-di-belakang-rumah-AN12979191</p>	<p>Sinar harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Bernama</p> <p>Utusan</p> <p>The Sun</p>	
3.	<p>Kanak-Kanak Hilang Jumaat Lepas Ditemukan Selamat</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-hilang-jumaat-lepas-ditemukan-selamat-486929</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2338092</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-hilang-jumaat-lepas-ditemui-selamat</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-hilang-jumaat-lepas-ditemukan-selamat-BN12976733</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernama</p> <p>Berita RTM</p> <p>The Sun</p>	Neutral
4.	<p>Kanak-Kanak Juga Ada Hak Asasi</p> <p>https://www.utusan.com.my/rencana/2024/09/kanak-kanak-juga-ada-hak-asasi/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral

5.	<p>Tidak Patuh Nisbah Pengasuh Punca Dera Bayi, Kanak-Kanak</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/684626/berita/nasional/tidak-patuh-nisbah-pengasuh-punca-dera-bayi-kanak-kanak</p>	Sinar Harian	Neutral
6	<p>'Budaya Kongsi Rakaman Gambar, Video Kanak-Kanak Beri Kesan Negatif'</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/718474#google_vignette</p>	Malaysia Kini	Neutral
7	<p>Masyarakat Perlu Cakna Jenayah Seksual, Penderaan Kanak-Kanak</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/masyarakat-perlu-cakna-jenayah-seksual-penderaan-kanak-kanak</p>	Berita RTM	Neutral
8	<p>Sindiket Pengemis OKU Tumpas, 6 Warga China Termasuk Dalang Ditahan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1131808/sindiket-pengemis-oku-tumpas-6-warga-china-termasuk-dalang-ditahan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1295775/sindiket-pengemis-oku-warga-china-raih-sehingga-rm12000-sebulan</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/imigresen-tumpas-sindiket-pengemis-jalanan-oku-tahan-enam-warga-china-HN12978906</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2338277</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/sindiket-pengemis-oku-warga-china-tumpas-enam-diberkas/</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/imigresen-tumpas-sindiket-pengemis-jalanan-oku-tahan-enam-warga-china-x95clcs</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>The Sun</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

IBU BAPA, PENJAGA DISARAN CAKNA HANTAR ANAK KE TASKA – KPWKM

PUTRAJAYA – Ibu bapa serta penjaga disaran agar sentiasa cakna dalam memastikan anak-anak mereka dihantar ke taman asuhan kanak-kanak (taska) berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam kenyataan berkata, ini bagi mengelakkan berlakunya kes seperti kecuiaan, pengabaian dan penderaan.

Katanya, taska berdaftar juga akan dipantau dan diperiksa secara berkala oleh JKM, selain dibuat pemeriksaan mengejut oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa sekurang-kurangnya dua kali setahun.

“Selain itu, satu Garis Panduan Khas Tindakan Penguatkuasaan Lak dan Perintah Penutupan ke atas Taska serta Pusat Jagaan yang dalam siasatan polis juga telah dikeluarkan berkuat kuasa pada 10 April tahun lalu.

“Garis panduan ini bagi memastikan tindakan segera dapat diambil bagi kes melibatkan taska dan pusat jagaan yang dalam siasatan polis kerana disyaki terdapat kes penderaan, pengabaian atau mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak,” katanya hari ini.

Kementerian berkenaan memberitahu, pendaftaran taska turut diletakkan prasyarat untuk setiap pengasuhnya mempunyai Sijil Kursus Asuhan Permata (KAP) dan pelbagai tindakan proaktif telah dilaksanakan dalam usaha melindungi kanak-kanak daripada kejadian tidak diingini di taska.

“Berdasarkan operasi pemutihan taska mulai September tahun lalu, JKM telah mengenal pasti sebanyak 1,080 taska diseluruh negara yang tidak berdaftar dan tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan supaya pihak yang terlibat dengan segera membuat pendaftaran.

“JKM juga telah mengeluarkan sebanyak 76 arahan bertulis, perintah penutupan sementara (empat), pembatalan perakuan pendaftar (218), tindakan LAK (tujuh), kompaun (17), dan pendakwaan (dua) telah direkodkan pada 2020,” ujarnya.

Kementerian memaklumkan orang ramai boleh memperoleh senarai taska berdaftar melalui semakan di laman sesawang JKM di www.jkm.gov.my.

“Orang ramai juga diseru membuat aduan kepada Talian Kasih di 15999 atau nombor WhatsApp 019-2615999 atau menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran sekiranya mendapati terdapat taska yang tidak berdaftar,” jelasnya. – KOSMO! ONLINE

BAYI LELAKI DITEMUI DI BELAKANG RUMAH

MACHANG: Bayi lelaki yang masih bertali pusat ditemui di belakang sebuah rumah di Kampung Sungai Bedal, Temangan, di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Machang, Superintendan Ahmad Shafiki Hussin berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian jam 10.45 pagi.

Katanya, hasil siasatan awal mendapati suspek berusia 20-an iaitu ibu kepada bayi berkenaan adalah anak angkat kepada pengadu.

“Pengadu memaklumkan, semalam suspek hanya berbaring seharian di atas katil dengan alasan darah haidnya keluar banyak dan dalam kesakitan.

“Bagaimanapun, suspek mengaku bayi yang ditemui adalah anak yang baharu dilahirkannya,” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, bayi itu kemudiannya dibawa ke Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP) Kuala Krai untuk mendapatkan rawatan lanjut.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana kesalahan membuang bayi,” katanya.

Katanya, orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi sehingga siasatan terhadap kes ini selesai dijalankan.

TIDAK PATUH NISBAH PENGASUH PUNCA DERA BAYI, KANAK-KANAK

KUANTAN - Kegagalan pengusaha taska mematuhi nisbah pengasuh yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 boleh menjadi punca penderaan bayi dan kanak-kanak di taska.

Pengusaha Taska Ar Raudah, Zubaidah Husin berkata, situasi itu memberi tekanan kepada kakitangan di taska kerana perlu menguruskan anak asuhan lebih ramai, sekali gus membuka ruang berlakunya kejadian tidak diingini.

Menurutnya, peraturan menetapkan nisbah pengasuh hendaklah 1:3 iaitu seorang pengasuh bersamaan dengan 3 kanak-kanak di bawah satu tahun, 1:5 (seorang pengasuh: lima kanak-kanak satu hingga tiga tahun) dan 1:10 (seorang pengasuh: 10 kanak-kanak tiga hingga empat tahun).

“Kami perlu patuhi nisbah ini tapi bagi taska tidak berdaftar kemungkinan besar tidak ikut nisbah ditetapkan sehingga berlakunya kecuaian.

“Jadi, saya andaikan pengasuh menjaga lebih daripada tiga bayi, mungkin empat, lima atau enam. Ini yang kita tidak tahu tapi ia didakwa berlaku di taska sehingga pengasuh alami tekanan,” katanya pada Ahad.

Berdasarkan pengalamannya selama 21 tahun dalam industri pengasuhan kanak-kanak, Zubaidah menjelaskan beban kerja berlebihan menjadi tekanan kepada pengasuh sehingga membawa kepada situasi buruk.

“Kadang-kadang, ada pengasuh tertekan dengan beban kerja contohnya sesama rakan sekerja selain masalah peribadi. Jadi, mereka mungkin secara tidak sedar melepaskan tekanan itu kepada kanak-kanak.

“Tindakan ini tidak boleh diterima. Jika, saya kesan mana-mana pengasuh yang mengalami tekanan, mereka akan diberhentikan. Kita tidak mahu perkara seperti kematian atau kes polis berlaku di taska saya,” jelasnya.

Zubaidah juga menegaskan pengurusan taska dan ibu bapa perlu sama-sama bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan kanak-kanak.

Tegasnya, pengasuh pula diberi tugas mengikut kapasiti sesuai oleh majikannya, namun begitu ibu bapa digalakkan menghantar anak mereka ke taska yang berdaftar dan mematuhi peraturan.

“Kita tak boleh hanya salahkan satu pihak kerana ia melibatkan tiga pihak iaitu pengasuh, pengusaha dan ibu bapa. Dalam konteks ini, ibu bapa jangan hanya tengok pada yuran murah tapi kena pastikan taska dipilih berdaftar dan mematuhi peraturan.

“Biasanya, taska yang menawarkan yuran murah mungkin tidak bayar gaji pengasuh dengan cukup atau gagal mematuhi nisbah pengasuh yang ditetapkan,” jelasnya lagi.

Tambahnya, pemantauan tidak dapat dilakukan terhadap taska tidak berdaftar, sekali gus membuka peluang kepada pengusaha untuk menjalankan operasi tanpa kawalan.

“Taska yang tidak berdaftar siapa yang nak pantau? Mereka boleh buat apa sahaja yang mereka mahu. Ini membahayakan keselamatan kanak-kanak,” tegasnya.

'BUDAYA KONGSI RAKAMAN GAMBAR, VIDEO KANAK-KANAK BERI KESAN NEGATIF'

Perkongsian gambar dan video kanak-kanak tanpa persetujuan mencabuli hak privasi dan memberi impak negatif yang boleh mengakibatkan kesan psikologi jangka panjang kepada diri mereka.

Pertubuhan Bukan Kerajaan, Protect and Save the Children (PS The Children) dalam kenyataan semalam memaklumkan kanak-kanak mempunyai hak kepada privasi seperti yang digariskan dalam Perkara 16 Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) yang melindungi mereka daripada intervensi arbitrari dalam kehidupan peribadi mereka dan memastikan maruah mereka dihormati.

“Budaya ‘kanak-kanak di bawah pemerhatian awam’ mencabuli hak privasi dan autonomi tubuh mereka.

“Perkongsian gambar dan video tanpa persetujuan bukan sahaja memberi impak negatif terhadap persepsi diri mereka tetapi ia juga mengajar mereka bahawa kanak-kanak tiada kawalan terhadap imej dan naratif diri mereka sendiri,” menurut kenyataan itu.

PS The Children turut menyuarakan kebimbangan mengenai norma menggunakan kanak-kanak sebagai kandungan dalam media sosial khususnya menerusi TikTok.

“Kita perlu bertanggungjawab untuk menangani isu-isu kritikal berkait dengan keselamatan, privasi dan autonomi kanak-kanak.

“Penerbitan bahan yang melibatkan kanak-kanak bukan sahaja mencabuli privasi dan autonomi mereka tetapi juga meningkatkan risiko pengantunan kanak-kanak,” menurut kenyataan itu.

PS The Children memaklumkan amat penting bagi golongan dewasa memberi contoh yang positif kepada kanak-kanak tentang sempadan peribadi untuk menangani isu berkenaan antaranya menggalakkan kanak-kanak menegaskan sempadan mereka, dan memahami bahawa mereka tidak akan dimalukan atau dihukum kerana menolak kehendak orang dewasa.

“Kami menyeru kepada komuniti untuk bersuara menentang tingkah laku yang tidak senonoh terhadap kanak-kanak.

“Kita perlu mewujudkan persekitaran kanak-kanak berasa selamat dan dihargai dan hak mereka dihormati. Ia termasuk menyokong kempen menentang jenaka seksual yang ditujukan kepada kanak-kanak, seperti yang diterajui oleh kempen #MakeSchoolASafePlace yang dipimpin oleh remaja Ain Husniza,” menurut kenyataan itu.

MASYARAKAT PERLU CAKNA JENAYAH SEKSUAL, PENDERAAN KANAK-KANAK

KUALA LUMPUR, 8 September- Masyarakat disaran lebih cakna dengan situasi membabitkan jenayah seksual dan penderaan kanak-kanak.

Peguambela dan peguamcara, Nor Zabetha Muhamad Nor berkata terdapat beberapa akta yang memperuntukkan tanggungjawab masyarakat secara bersama-sama bagi menangani jenayah tersebut.

"Kita lihat kepada Akta Kanak-Kanak 2001 Seksyen 27 memperuntukkan apabila seorang pengawal perubatan atau pegawai perubatan yang lain, apabila kanak-kanak ini dibawa ke hospital.. dia lihat ada kesan kecederaan yang dia rasakan munasabah mungkin kanak-kanak ini didera atau kesan seksual..dalam keadaan ini, menjadi tanggungjawab pengamal perubatan tersebut untuk membuat laporan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Sekiranya gagal, boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen yang sama," katanya dalam sesi temu bual menerusi 'Google Meet' dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia hari ini.

Menurutnya, Akta Kanak-kanak 2001 Seksyen 19 dan 28 masing-masing memperuntukkan tanggungjawab ahli keluarga dan masyarakat untuk membuat laporan bagi jenayah dera dan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.